

GEOGRAFI TINGKATAN 2 CIKGU IQMAL

GEOGRAFI TINGKATAN 2			
BAB	TOPIK	TARIKH	CATATAN
1	SKALA DAN JARAK		
2	PETA TOPOGRAFI		
3	PENGARUH PERGERAKAN BUMI TERHADAP CUACA DAN IKLIM		
4	CUACA DAN IKLIM DI MALAYSIA		
5	PENGANGKUTAN DI MALAYSIA		
6	TELEKOMUNIKASI DI MALAYSIA		
7	KEPELBAGAIAN IKLIM DAN PENGARUH TERHADAP KEGIATAN MANUSIA DI ASIA		
8	JENIS DAN KEMAJUAN PENGANGKUTAN DI ASIA		
9	PEMANASAN GLOBAL		
10	TEKNOLOGI HIJAU		
11	PANDUAN KERJA LAPANGAN		


BAHAGIAN A

Arahan : Jawab **semua** soalan

7.1 Kepelbagaian Iklim dan Pengaruhnya Terhadap Kegiatan Manusia di Asia

1. Antara iklim berikut, yang manakah terletak di zon sejuk sederhana?
 - I Iklim Siberia
 - II Iklim Monsun Tropika
 - III Iklim Mediterranean
 - IV Iklim Laurentia
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

2. Berdasarkan **Peta 1** dibawah, apakah iklim yang terletak berhampiran di garisan lintang 0°?



Peta 1

- A Iklim Steppe
- B Iklim Gurun Panas
- C Iklim Monsun Tropika
- D Iklim Khatulistiwa

7.2 Ciri Iklim Mengikut Zon di Asia

3. Antara negara berikut, yang manakah beriklim Mediterranean?

- I Turki
- II Lubnan
- III Korea Selatan
- IV India
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

4. Berdasarkan ciri iklim di bawah, kombinasi manakah yang betul?

	Iklim Khatulistiwa	Iklim Monsun Tropika
A	Suhu musim panas tidak melebihi 10°C	Suhu musim panasnya sangat panas iaitu kira-kira 28°C
B	Hujan tahunannya cuma 250mm	Jumlah hujan tahunan 500mm
C	Iklimnya panas dan lembab sepanjang tahun	Ia mengalami musim kering dan musim lembab yang nyata
D	Julat suhu harian tinggi iaitu 30°C	Julat suhu harian rendah iaitu 1°C

7.3 Zon Iklim Sejuk

5. Tempat kediaman seperti dalam **Foto 1**, biasanya terdapat di kawasan iklim apa?



Foto 1

- A Iklim Tundra
- B Iklim Laurentia
- C Iklim Mediterranean
- D Iklim Siberia

6. Antara berikut, manakah haiwan yang diburu oleh puak Eskimo pada musim sejuk?

A



B



C



D



7.4 Zon Iklim Sejuk Sederhana

7. Berdasarkan maklumat di bawah, pengaruh iklim di kawasan zon Iklim Sejuk Sederhana tersebut, membuatnya sesuai untuk kegiatan ekonomi apa?

- Pantai Jepun terletak di persimpangan arus panas Kurashio dan arus sejuk Oyashio.

- A Kegiatan penanaman anggur
- B Kegiatan perlombongan petroleum
- C Kegiatan menjana tenaga ombak
- D Kegiatan perikanan

8. Berdasarkan ciri iklim Sejuk Sederhana di bawah, apakah jenis tanaman yang sesuai dan giat dijalankan?

- Suhu musim panas yang sederhana iaitu 20°C dan suhu musim sejuk 10°C.
- Jumlah hujan tahunan kira 1 000 mm.

- I Gandum
 - II Kelapa sawit
 - III Lada hitam
 - IV Kentang
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7.5 Zon Iklim Panas Sederhana

9. Apakah jenis hujan yang biasanya turun di kawasan zon Iklim Panas Sederhana?
- A** Hujan siklon
B Hujan perolakan
C Hujan gerimis
D Hujan bukit

7.5 Zon Iklim Panas

10. Mengapakah suhu pada waktu malam di gurun jatuh dengan cepat sehingga mencecah kira-kira 5°C, sedangkan pada siang harinya sangat panas?
- I Akibat pengaruh arus lautan yang sejuk
 - II Kerana langit di kawasan gurun panas tidak berawan
 - III Haba yang panas di siang hari dibalikkan ke angkasa lepas dengan cepat
 - IV Kerana tiupan bayu laut pada waktu malam
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Bahagian B

Arahan: Jawab **semua** soalan

Soalan 1 adalah berdasarkan foto 1 di bawah.



Foto 1

1. (a) Pada musim panas, penduduk seperti dalam **Foto 1**, menjalankan aktiviti menangkap ikan. Berikan nama tiga jenis ikan yang ditangkap di kawasan tersebut.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

[3 markah]

- (b) Namakan **tiga** jenis haiwan yang diburu di kawasan beriklim seperti dalam **Foto 1** di atas.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

[3 markah]

- (c) Berikan **empat** kepentingan kenapakah haiwan-haiwan tersebut diburu.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

[4 markah]

Soalan 2 adalah berdasarkan foto 2 di bawah.



Foto 2

2. (a) Namakan **tiga** buah negara yang mengalami iklim seperti dalam **Foto 2** di atas.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

[3 markah]

- (b) Penternakan adalah antara aktiviti yang dijalankan oleh penduduk di kawasan dalam **Foto 2**. Berikan **tiga** kepentingan aktiviti tersebut kepada penduduk.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

[3 markah]

- (c) Terangkan bagaimana iklim mempengaruhi kegiatan manusia di kawasan tersebut.

- _____
- _____

[4 markah]

BAHAGIAN C

3. (a) Terangkan bagaimana kegiatan penanaman gandum sesuai dijalankan di kawasan beriklim Sejuk Sederhana (Iklim Laurentia).

F1 •

H1 •

F2 •

H1 •

[4 markah]

- (b) Huraikan bagaimanakah Iklim Sejuk Sederhana (Iklim Laurentia) mempengaruhi kegiatan perikanan di Negara Jepun.

F1 •

H1 •

F2 •

H1 •

F3 •

H1 •

[6 markah]